

03/09/1997

Menteri dilarang sokong projek ahli keluarga

Noordin Zakaria; Ebi Azly Abdullah; Meor Hisham Zulkifli

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, semua menteri tidak akan dibenarkan terbabit dengan sebarang proses membuat keputusan berhubung penyertaan ahli keluarga mereka di dalam perniagaan.

Perdana Menteri berkata, jika ada sebarang cadangan untuk menyokong mana-mana projek perniagaan membabitkan ahli keluarga pemimpin, kerajaan akan menghindarkan menteri berkenaan daripada terbabit dengan proses membuat keputusan itu.

"Bagaimanapun adalah tidak wajar bagi mana-mana pihak membuat andaian mudah dengan menganggap bahawa disebabkan mereka adalah daripada keluarga menteri, apa yang mereka lakukan adalah kerana mempunyai hubungan seperti itu," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi temu bual khas dengan rangkaian Cable News Network (CNN) melalui program Q&A malam ini. Program itu dikendalikan secara langsung oleh wartawan kanan CNN, Riz Khan di Atlanta, Amerika Syarikat.

Dr Mahathir menjawab soalan berhubung pembabitan anggota keluarga atau anak kepada mana-mana menteri kanan yang terbabit di dalam perniagaan yang dianggap oleh orang ramai sebagai mempunyai kaitan dengan rasuah.

Menurut Perdana Menteri, sesetengah pihak menyifatkan langkah mengecualikan menteri terbabit daripada sebarang proses membuat keputusan sebagai tidak begitu berkesan.

Tetapi katanya, adalah tidak wajar mengharapkan agar anak kalangan pemimpin kerajaan terus dibiarkan miskin dan tidak boleh menjalankan perniagaan.

Menjawab soalan lain, beliau berkata, kerajaan tidak akan melakukan penentangan terhadap golongan ekstrim agama di negara ini, sebaliknya akan menggunakan pendekatan memberi penjelasan kepada masyarakat.

Sambil menyifatkan kumpulan itu tidak terlalu ramai atau berpengaruh, Dr Mahathir berkata:

"Kami fikir kami mampu mengendalikan kumpulan ini bukan menerusi penentangan, sebaliknya dengan memberi penjelasan kepada masyarakat bahawa pandangan kumpulan itu adalah salah dalam menafsir agama. Kami fikir ia boleh diatasi menerusi cara ini."

Dr Mahathir menjawab soalan berhubung kewujudan golongan pelampau agama yang mungkin boleh menggugat Wawasan 2020.

Menjawab soalan mengenai undang-undang sekular dan Islam di Malaysia, beliau berkata tiada sebab tidak boleh ada unsur campur tangan dalam undang-undang Islam di negara ini selagi 'campur tangan' itu tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

"Oleh itu, jika undang-undang sekular tidak mempunyai percanggahan dengan ajaran Islam, kami telah melakukan yang terbaik untuk agama kami.

"Kami juga tidak fikir agama kami mahu penganutnya memaksa orang lain menurut undang-undang Islam," katanya menjawab soalan dari Lebanon yang dikemukakan kepada CNN menerusi Internet.

(END)